



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Fax : 03-8888 6906

E-mel : pro@mafi.gov.my

Homepage : <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

MENTERI MAFI ADAKAN MESYUARAT DENGAN EXCO-EXCO PERTANIAN NEGERI SECARA MAYA

KUALA LUMPUR: Mesyuarat YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan Exco-Exco Pertanian Negeri Bilangan 2 Tahun 2020 telah bersidang melalui platform maya di Bangunan Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur pada 24 November 2020.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri MAFI Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang turut dihadiri bersama YB Timbalan Menteri I MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah serta YB Timbalan Menteri II MAFI Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Mesyuarat ini dihadiri oleh YB Timbalan Ketua Menteri II Merangkap Menteri Pertanian dan Industri Sabah, YB Menteri Muda Pertanian Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah (MANRED) Sarawak dan YB EXCO-EXCO Pertanian Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Kelantan. Manakala YB EXCO Pertanian Negeri Selangor dan YB EXCO Pertanian Negeri Terengganu pula telah diwakili oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri masing-masing.

Mesyuarat yang diadakan dua (2) kali setahun ini bertujuan meneruskan sinergi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam keberhasilan pengeluaran komoditi agromakanan dan juga bagi mendapatkan maklumbalas berhubung isu serta strategi pelaksanaan memperkukuh jaminan bekalan makanan negara di peringkat negeri masing-masing terutama dalam tempoh pandemik COVID-19.

Selaku Pengerusi Mesyuarat, YB Menteri MAFI telah berkongsi empat makluman penting bersama ahli-ahli YB EXCO Pertanian negeri iaitu berhubung Sesi Perbahasan Belanjawan 2021 yang sedang berlangsung sehingga 26 November 2020, penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang telah bersidang pada 8 September 2020, penggubalan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan penangguhan Expo MAHA 2020.

YB Menteri MAFI juga telah menekankan kepentingan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan baik bagi memastikan sumbangan positif sektor pertanian dan industri makanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Mesyuarat ini telah membincangkan empat (4) kertas makluman iaitu Bajet Pembangunan MAFI Tahun 2021 dan tiga (3) kertas hala tuju Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) masing-masing bagi subsektor tanaman, ternakan dan perikanan.

Turut diperbincangkan juga adalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli YB Exco-Exco Pertanian Negeri yang secara ringkasnya dirumuskan meliputi isu-isu permohonan lesen nelayan Zon A, pembekalan benih padi serta cadangan-cadangan memperkasa infrastruktur, modal insan serta peluasan penggunaan teknologi pertanian di negeri-negeri.

Mesyuarat ini juga secara prinsipnya bersetuju untuk menyegerakan penyelesaian isu-isu berbangkit demi memastikan kebajikan petani, penternak dan nelayan negara terus terpelihara.

Kementerian amat komited dalam memastikan jaminan bekalan makanan negara kekal utuh melalui kerjasama dan sinergi berterusan bersama negeri-negeri.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

25 NOVEMBER 2020